Jawab semua soalan

1 Antara berikut, manakah pernyataan yang **benar** tentang perkara-perkara penting semasa menulis algoritma?

I Bahasa yang boleh difahami oleh manusia seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris digunakan dalam menulis langkah-langkah dalam algoritma.

II Langkah yang ditulis mestilah dalam bentuk yang ringkas.

III Langkah-langkah mestilah ditulis dalam urutan yang betul.

IV Algoritma yang ditulis mestilah mempunyai kesudahan tertentu dalam suatu tempoh masa.

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

2 Apakah yang lazim digunakan untuk mewakili algoritma?

I Gambar rajah
II Carta alir
III Pseudokod
IV Perenggan

A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3 Teliti pseudokod di bawah.

```
:
:
JIKA kata laluan tepat
   PAPARKAN akaun Yahoo! Mail
JIKA TIDAK
   PAPARKAN ruang nama pengguna dan
            kata laluan
TAMAT JIKA
:
:
```

Apakah jenis struktur kawalan bagi pseudokod di atas?

A Struktur kawalan pilihan tunggal
B Struktur kawalan dwipilihan
C Struktur kawalan pelbagai pilihan
D Struktur kawalan ulangan

4 Apakah ralat yang biasa dijumpai dalam algoritma?

A Ralat logik
B Ralat masa larian
C Ralat sintaks
D Ralat ejaan

5 Apakah struktur kawalan yang sesuai bagi data yang mempunyai lebih daripada dua tindakan?

A Struktur kawalan pilihan tunggal
B Struktur kawalan dwipilihan
C Struktur kawalan pelbagai pilihan
D Struktur kawalan ulangan

6 Teliti carta alir di bawah.

Antara berikut manakah pernyataan yang **benar** tentang carta alir di atas?

I Satu set langkah akan dilaksanakan selagi satu syarat diuji adalah benar.

II Syarat diuji dahulu sebelum langkah-langkah dalam gelung dilaksana.

III Ia merupakan struktur kawalan ULANG-SEHINGGA

IV Digunakan apabila bilangan ulangan tidak dapat dikenal pasti.

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

7 Apakah yang menyebabkan berlakunya ralat logik dalam algoritma?

I Kesilapan kod arahan
II Format pengekodan salah
III Langkah salah diminta untuk dilaksanakan
IV Urutan pelaksanaan tidak betul

A I dan III
B II dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 Apakah langkah pertama menghasilkan pseudokod dan carta alir?

A Mengenal pasti masalah
B Mereka bentuk algoritma
C Menulis pseudokod dan melukis carta alir
D Menentukan output yang diingini

9 Satu arahan yang mengarahkan komputer melakukan sesuatu tugas dikenali sebagai

A atur cara program
B struktur kawalan
C kod arahan
D sistem asas 10

10 Pemboleh ubah boleh disimpan dalam bentuk data berikut **kecuali**

A pseudokod
B nilai berangka
C teks
D nilai logik